

# 27 pelajar tunjuk bakat

**KUALA KETIL** - Seramai 27 pelajar menyertai pertandingan sajak dan seni khat piala rektor Kolej Universiti Insaniah (Kuin), baru-baru ini.

Pengarah Pusat Pemasaran, Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa, Hamlan Din berkata, pertandingan itu bertujuan mencungkil bakat dan kreativiti pelajar dalam menyampaikan idea seni selain mencari pelapis baru.

Menurutnya, pertandingan yang dianjurkan

kan oleh Kelab Kesenian Muda Insaniah (Kemudi) itu turut mendapat tajaan dari hotel Sp Inn, Syarikat Hassani Book dan Syarikat Mutiara.

“Johan bagi kategori sajak dimenangi oleh Suhaila Che Long manakala johan kategori seni khat milik Naufal Bakhir.

“Hadiah kepada pemenang disampaikan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademi, Prof Dr Sharifah Azizah Syed Sahil Jamalullail,” katanya.



**Kakitangan Kuin bersama pelajar yang menyertai pertandingan itu.**